



*proceeding*  
**ikmg**  
*Pengukuhan Budi & Jati Diri*  
**2016**

***JUNE 2016***

***Tanjung Bidara Resort Melaka***



**PROCEEDING ISME**

**Penyunting:  
Ahmadrashidi bin Hasan  
Abd. Rasid Bin Ismail  
Rosli Zakaria**

**DITERBITKAN OLEH  
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Uitm Melaka.**



**PROCEEDING ISME**

**Penyunting**

**Ahmadrashidi bin Hasan, Abd. Rasid Bin Ismail & Rosli Zakaria**

**Reka bentuk**

**Norsharina Samsuri**

**Hafiz**

**Diterbitkan oleh:**

**Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.**

**Segala pendapat yang diterbitkan di dalam buku ini merupakan pendapat para pengarang dan tidak semestinya mewakili pendapat penerbit.**

**ISBN 978-967-0637-20-4**

**Hak Cipta Terpelihara.**

**Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada cara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penyunting dan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka terlebih dahulu.**

**Cetakan Pertama 2016**

## ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan .....	3
Jawatankuasa Kolokium ISME 2016 .....	5
<b>1. Creative Art Therapy Program: Case Study on Malay Muslim Inmates at Sungai Udang Prison in Melaka</b>	<b>6</b>
Azahar Harun, Rosli Zakaria, Amiruddin Osman, Ariff Ali, Hishamudin Ahmad, Haslinda Abd Razak, Meor Hasmadi Meor Hamzah	
<b>2. Contemporary Islamic Art of Iraq Country: It's Appreciation</b>	<b>15</b>
Fatimatuzzaharah Mohd Kidin	
<b>3. Standardizing Malaysian Vehicle Registration Number Plate</b>	<b>22</b>
M. R. Ruzalia & G. Daimin	
<b>4. Using Photographic Images as an Alternative Method To Learning Process In Pre-School Level</b>	<b>32</b>
Farihan Zaharia, Fatrisha Mohamed Yussof, Nurkhozilah Idris, Aidah Alias	
<b>5. A Study of The Malaysian Youth Perception Toward 'Muslim Pro' Apps Through Smart Phone in Malaysia Using Technology Acceptance Model (TAM)</b>	<b>36</b>
Hafizah Rosli & Dr Ruslan Abd Rahim	
<b>6. Interactive Multimedia: HajjEdu Kiosk</b>	<b>42</b>
Ilinadia Binti Jamil & Zainal Bin Kadir	
<b>7. A Visual Analysis: 3D Computer Graphic with Narrative Structure of Adhan Recitation</b>	<b>50</b>
Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur khalisah Shamsudin, Mohamed Razeef Abd Razak & Azahar Harun	
<b>8. The Role of Visual Communication in Improving Images of Malaysian Secondary School Textbooks</b>	<b>59</b>
N. Yusof & G. Daimin	
<b>9. The Styles of Illumination In Al-Qur'ans of The Malay World</b>	<b>66</b>
N.H.M. Din, D.H.M. Zain, M. Mokhtar	
<b>10. Artistik Rhiz : Seni Rupa Kontemporari Malaysia</b>	<b>73</b>
Shahariah Mohamed Roshdi , Dr. Abd. Rasid Bin Ismail & Mohd Haniff Mohd Khalid	
<b>11. Penilaian Pengunjung Terhadap Pameran Karya Seni "Travelog" Pelajar Seni Halus UiTM Melaka</b>	<b>80</b>
Amiruddin Osman, Dr Rosli Zakaria, Shahrul Munir Mohd Kaulan	

12. **Compilation Theory Of Malay Malay Aesthetics: Concept Malay Beauty In Arts** 86  
Nurkhazilah Idris, Ruzaika Omar Basaree, Fazlina Mohd Radzi, Fatrisha Mohd Yussof, Farihan Zahari & Shaliza Dasuki.
13. **Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu** 95  
Dr. Abd. Rasid Bin Ismail , Shahariah Mohamed Roshdi & Prof. Madya Dr Ahmad Rashidi Bin Hasan
14. **Geometri dalam Rekabentuk Naskhah Dala'il al-Khayrat: Suatu Kajian Awal** 104  
A. Abdullaha\* dan S. Silahb
15. **Exploring An Art Photography Movement In Malaysia (1900-2000)** 112  
Raziq Abdul Samat, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Shafirah Shaari, Dona Lowii Madon, Aidah Alias & Mohd Fakhrul Rodzi Abd Ghapur
16. **Penghayatan Budaya Kebangsaan Dalam Karya Animasi Malaysia Pasca-Merdeka** 116  
Shaliza Dasukia, Nurkhazilah Idrisa, Nurhasliza Abdulahb dan Norhazalen Haji Saadc
17. **Appreciating Islamic Contemporary Art of Afghanistan Country** 125  
Nurul Syazlina Bt Che Yusof, Nor Kamalia Bt Mohamed Saat, Prof. Dr. Dzul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Hj Mokhtar
18. **Describing Advertising Approach By Ministry Of Health Malaysia For Public Service Annouement Campaign: Case Study On Anti Dengue Campaign In Press Ad** 130  
Norsharina Samsuri, Anith Liyana Amin Nudin
19. **Penyimpanan Dan Pendokumentasian Karya Kreatif Di Fssr, UiTM Melaka** 135  
Haslinda Abdul Razak<sup>1</sup>, Nur Hasliza Abdulah<sup>2</sup>, Azni Hanim Hamzah<sup>3</sup>, Nurul Izza Ab Aziz<sup>4</sup>, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain<sup>5</sup>, Noor Hafiza Ismail<sup>6</sup>
20. **Stail Abstrak Arca Awam Kuala Lumpur : Refeleksi Terhadap Tegahan Agama Islam Membina Arca Berbentuk Figura Bernyawa.** 144  
Dr. Rosli Zakaria
21. **Kartun Editorial Internet Indie Melayu: Kritikan Politik Dan Sosial Melalui Rangkaian Sosial Facebook Bertemakan Pribahasa Lama Melayu** 159  
Fazlina Mohd Radzi, Shahariah Mohamed Roshdi, Nurkhazilah Idris
22. **Creativity and Inspiration Woven Technique By Using Excessive Plastic Bag** 167  
Azni Hanim Hamzah<sup>a</sup> , Salina Abdul Manan<sup>b</sup> , Noor Hafiza Ismail<sup>a</sup> , Nurhikma Mat Yusufa , Nurul Izza Ab Aziza
23. **Sustainable Furniture Design: An Alternative Approach To Enhance Learning Process In Autism Classroom** 174  
1Nurhikma Bt Mat Yusof, 2Rosaliana Bt Rahim, 3Ridzuan Adli Bin Azidin

## JAWATAN KUASA

ISME 2016

Penaung	PM Dr. Mohd Adnan Bin Hashim
Penasihat 1	Dr. Rani Diana Binti Othman
Pengerusi Timbalan Pengerusi	Dr. Azahar Bin Harun Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Ketua Projek Pen. Ketua Projek	PM Dr. Ahmadrashidi Bin Hasan Dr. Rosli Bin Zakaria
Setiausaha Timbalan SU 1 Timbalan SU 2	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Nurkhazilah Binti Idris Cik Fazlina Binti Mohd Radzi (Penerimaan Abstrak & Kertas Kerja)
Wakil Bendahari Fssr	Puan Azni Hanim Bin Hamzah
Editor	Dr. Abd. Rasid Bin Ismail (Ketua) Dr. Rosli Bin Zakaria PM Dr. Ahmadrashidi Bin Hasan Dr. Azahar Bin Harun
Tempat & Kemudahan	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Noor Hafiza Binti Ismail
Jk Dokumentasi	En. Raziq Bin Abdul Samar En. Meor Hasmadi Bin Meor Hamzah En. Mohd Hanif Bin Mohd Omar Cik Aidah Binti Alias
Jk Seranta & Publisiti	En. Ridzuan Adli Bin Azidin Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Jk Penyambut Tetamu & Protokol	En. Arif Bin Ali Tuan Haji Abd. Wahab Bin Muhammad Puan Shahariah Binti Mohd. Roshdi Cik Rosaliana Binti Rahim
Jk Sijil & Cenderamata	Puan Nur Hasliza Binti Abdullah Puan Nurul Izza Bin Ab. Aziz
Jk Jemputan	Puan Haslinda Bin Abd. Razak
Jk Teknikal & Logistik	En. Hisammudin Bin Ahmad En. Rafuzan Bin Jaafar
Jk Pereka	Puan Norsharina Binti Samsuri (Ketua) Puan Anith Liyana Binti Amin Nudin Puan Fatrisha Binti Mohamed Yussof
Jk Pendaftaran	Cik Fazlina Binti Mohd Radzi Puan Azni Hanim Bin Hamzah Cik Siti Sarah Binti Adam Wan

## ARTISTIK RHIZ : SENI RUPA KONTEMPORARI MALAYSIA

<sup>1</sup>Shahariah Mohamed Roshdi, & <sup>2</sup>Mohd Haniff Mohd Khalid

<sup>3</sup>Dr. Abd. Rasid Bin Ismail

\*corresponding author :sariy07\_uitm@yahoo.com, anipszero@yahoo.com

### Abstrak


Rhiz adalah nama singkatan daripada Rhizopus Stolonifer yang merupakan kulat yang biasa tumbuh pada roti yang telah luput tarikhnya. Ia merupakan suatu hasil karya seni visual yang menggunakan roti berfungsi sebagai bahan utama. Tujuan karya siri Rhiz ialah untuk mengkaji mikroorganisma hidup yang diproses bagi membolehkan ia dipersembahkan sebagai produk seni rupa kontemporari seperti lukisan, catan, arca instalasi dan video. Idea Rhiz ini tercetus berdasarkan hasil kajian eksperimentasi dan eksplorasi terhadap potensi penggunaan bahan roti berfungsi sebagai satu medium dalam proses penghasilan karya seni visual. Karya ini dibentuk melalui proses pembiakan fungi pada permukaan roti yang diperam. Permukaan roti yang ditumbuhi fungi ini dipilih berdasarkan keunikan estetikanya untuk di olah menjadi gubahan lakaran idea yang artistik.

Kata Kunci : Rhiz, fungi, seni rupa, kontemporari, artistik.

Sifat fizikal fungi berarah ke dalam seni rupa. Tarikan fungi menetap sebagai subjek utama kajian adalah suatu eksplorasi baru dan telah menjadi sebuah karya seni. Fungi merupakan subjek kompleks dan jarang ditemui sebagai produk seni untuk dikomersialkan. Siri karya bersubjekkan fungi telah bermula di sekitar tahun 2011 di studio artis, UiTM Jalan Othman, Petaling Jaya. Kajian berlangsung selama setahun enam bulan iaitu ketika pelukis masih menuntut di peringkat sarjana. Sepanjang proses penghasilan sampel fungi, ramai pendokong seni tanah air turut menyumbang serta meraikan fungi sebagai bahantara kajian. Di antara pendokong seni yang terlibat ialah pensyarah, kurator, seniman lokal dan pelajar seni yang hadir membuat lawatan ke studio pelukis.

### Fungi sebagai Medium Seni Rupa Kontemporari

Pada masa kini, terdapat beberapa pelukis dari negara luar yang mempraktik fungi sebagai bahantara untuk menghasilkan karya. Di antaranya adalah seperti produk pengiklanan iaitu melalui filem Contagion yang telah di hasilkan oleh Glen D'Souza, Mike Takasaki dan Patrick Hickey. Ianya dicipta bagi tujuan publisiti kepada penduduk awam. Filem tersebut mengisahkan tentang wabak penyakit yang menular sehingga ke seluruh dunia. Agensi kreatif dan pengiklanan bergabung untuk menghasilkan papan tanda Contagion yang bersifat boleh tumbuh dan mati sekaligus bertepatan dengan tema filem itu. Glen D'Souza, Mike Takasaki dan Patrick Hickey telah menggunakan petri dish yang berskala besar dan campuran bakteria yang berwarna - warni dan fungi. Setelah papan tanda itu siap tersedia, ianya dipasang di hadapan cermin berkaca di dalam kedai yang usang. Kedai tersebut berada di bandar Toronto, selama enam hari karya berbentuk papan tanda ini dibiarkan dan ianya menunjukkan perubahan seperti tindak balas fizikal yang sangat menjijikkan. Promosi kreatif yang digunakan dalam filem ini ialah menggabungkan medium dan mesej sebagai iklan.



Rajah 1: Hasil eksperimentasi oleh Glen D'Souza, Mike Takasaki dan Patrick Hickey menerusi filem Contagion.

“.... a scientific theory or result to be bet when it is a thing of beauty”  
(David Rothernberg, 188 : 2011)

Pertembungan di antara bidang seni dan sains memberi inspirasi dalam mengenali subjek mikroorganisma yang sangat indah. Penyelidikan sains dan seni seperti ini sangat berhasil kebergunaannya yang berkepentingan dalam memberi justifikasi kepada definisi karya seni rupa kontemporari. Kebanyakan artis berkemahiran mencipta karya, persembahan proses penghasilan karyanya bertindak balas melalui idea, pemerhatian, rasa, dan pengalaman. Menurut Kallergi Amalia (2008), klasifikasi karya seperti ini dihasilkan melalui gabungan pakar seni dimana proses kreatif ini akan dimulakan manakala dari segi teknikal ianya akan di bantu oleh pakar sains. Kadangkala di awal proses penghasilan karya, keuntungan hanya akan nampak menyebelahi pihak lapangan bidang seni tetapi jika komunikasi dan interaksi antara dua bidang ini berjalan dengan baik, ianya akan memberi keuntungan kepada kedua-duanya.

*“ Seni kontemporari menyingkirkan ruang justifikasi dan koleksi karya yang biasa ke peringkat yang kritikal lagi penting. “*

(Roopesh Sitharan, 20 : 2013)


Seni kontemporari bersifat aneh dan unik atau di luar dari kebiasaan. Lahirnya seni kontemporari adalah sorotan hasil daripada pendekatan imaginasi, kreativiti dan inovasi dalam seni visual. Sifat asas ini telah membantu perkembangan seni dan secara fitrah telah wujud dalam diri manusia dan akhirnya menyumbang kepada kesejahteraan. Karya yang hidup secara artistik merupakan refleksi mempelajari seni melalui kajian berdasarkan perkembangan sejarah seninya. Begitu juga dengan kajian praktik fungsi yang dikupas melalui sains dan seni visual.

Melihat fungsi sebagai media baru yang memberi anjakan paradigma terkini dan semakin kehadapan. karya seni media baru ini ingin diluncurkan ke tengah publik selaku gayaan karya seni kontemporari. Ciri – ciri kontemporari dalam menyatakan keindahan subjek secara visual memerlukan proses yang kompleks dan di luar konvensional. Sehubungan dengan itu, kenyataan karya yang berciri konvensional tidak ditolak sama sekali malahan ianya adalah tunjang utama kepada pelukis. Media baru melibatkan perubahan praktis melalui karya – karya konvensional dan menjadi teras seni rupa di Malaysia. Melalui bidang seni cetak sebagai contoh, berdasarkan hujah Richard Noyce dan Alaxia Tala, teknik dan kemahiran seni cetak secara tradisi tidak akan hilang malah ia akan mengalami evolusi dan berkembang menjadi satu bentuk yang baru biarpun tanpa penekanan terhadap teknik



konvensi seni cetak. Ia disifatkan oleh Frederick Hartt sebagai “evolutionary in a technical sense”.


Pembinaan karya adalah sangat sukar kerana subjek bersifat organik dan keadaan fizikalnya yang sentiasa berubah – ubah. Menyedari kepentingan sains, subjek fungi yang hidup dalam kelompok mikroorganisma telah dibantu oleh ilmu sains yang menterjemahkan elemen artistik yang terdapat pada fizikal fungi. Mikroorganisma daripada bahasa Yunani bermaksud mikros, ,kecil, organisma atau mikrob ialah organisma yang seni. Saiznya yang terlalu kecil biasanya sukar untuk dilihat oleh mata kasar. Kajian terhadap mikroorganisma dikenali sebagai mikrobiologi, ianya merupakan satu bidang yang bermula dengan penemuan mikroorganisma oleh Anton van Leeuwenhoek pada 1673 dengan menggunakan peralatan uji kaji sains iaitu mikroskop reka bentuknya sendiri. Ianya terdiri daripada mikroorganisma yang sangat berbeza contohnya seperti bakteria, kulat, arkea, dan protis; tumbuhan mikroskopik yang dikenali sebagai alga hijau; dan haiwan, seperti plankton dan planaria.



Rajah 2: Gambaran mikroskop terawal yang dicipta oleh Leeuwenhoek pada tahun 1673.

### Pengolahan Data Visual Dalam Pembentukan Karya

Sepanjang proses penghasilan karya pendekatan sains dan seni telah memandu pelukis dalam memeta fungi ke dalam aspek seni rupa. Kombinasi dua bidang ini merungkai keindahan karektor yang terdapat pada fizikal fungi. Dokumentasi koleksi data – data visual dirakam dengan sistematik. Manakala kaedah pemerhatian secara visual melalui mata kasar pelukis dapat dihayati dengan baik (rujuk sampel pada rajah 3,4 dan 5). Presentasi sampel menggambarkan rupa bentuk subjek fungi yang terdapat pada roti.



Rajah 3: Gambar yang di ambil dari Google memaparkan lukisan rupa bentuk spora dari bawah mikroskop.

**Tingkah laku Artistik Rhiz**



Idea pelukis bukan sahaja lahir mengisi kelompangan apresiasi sesebuah karya seni rupa kon-temporari, malah membuka definisi baru terhadap kreativiti penciptaan artistik. Bertunjangkan ting-kah laku artistik subjek, timbul rasa ingin menginterpretasi secara visual mengenai keunikan rupa, bentuk, jalinan dan warna subjek. Pelukis memahami rupa dan bentuk subjek lalu merakam dalam bentuk lakaran yang bersahaja dan lukisan analitis. Di samping itu pelukis mempersembahkan rupa bentuk estetik fungi melalui karya bersiri artistik Rhiz.

Pemerhatian fungi sebagai Rhiz yang penuh gaya estetik bermula dengan menjalani proses pengamatan secara visual melalui sampel fungi. Ahmad Johari Sihes memperkenalkan proses penga-matan, iaitu melalui fungi empat ciri pengamatan terperinci seperti mengenalpasti, menginterpretasi, mengorganisasi dan memahami. Secara keseluruhan ianya telah pun di analisis.

Pengaruh dua bidang ini menuntut pelukis berkerja dengan pelbagai bahantara yang di eksperimen-tasi sehingga kebanyakan karya terdiri daripada karya ruang tiga dimensi iaitu arca instalasi. Penggunaan objek ready-made seperti kabinet, pinggan, peralatan uji kaji sains seperti mikroskop, kanta pembesar dan petri dish turut dipersembahkan.


Pemerhatian Organisma: Fungi

Karektor	Organisma 1: Rhizopus stolonifer sporangiophores	
Saiz	30 µm	
Klasifikasi	Kingdom	Fungi
	Filum	Zygomycota
	Kelas	Zygomcetes
	Order	Mucorales
	Famili	Mucoraceae
	Genus	Rhizopus
	Spesies	Rhizopus stolonifer
	Nama saintifik/nama umum	Rhizopus stolonifer / Bread Mold
Rupa Bentuk	Bentuk berbulu	
Warna	Salutan warna biru atau kuning	


Lukisan	
Gambar	
Sumber	<a href="http://www.padil.gov.au/maf-border/pest/main/143074/51405">http://www.padil.gov.au/maf-border/pest/main/143074/51405</a>

Jadual 1 : Jadual menunjukkan pengamatan visual pada subjek fungi.


Bagi mengangkat bidang seni sebagai suatu bidang yang unggul, penyelesaian terhadap persoalan kebenaran karektor fungi harus jelas. Pengisian fakta turut menjana idea melalui perbualan kritis, seminar dan wacana seni, lawatan ke studio lokal artis dan lawatan ke makmal biologi. Kebenaran artistik fungi merupakan suatu karektor rupa, bentuk dan warna. Berikut merupakan pengolahan idea lakaran karya lukisan (rujuk rajah 5, 6 dan 7).




Rajah 4 : Gambaran sampel roti yang berfungi



Rajah 5 : Gambaran lukisan analitis berdasarkan sporangium



Rajah 6 : Gambaran karya lukisan. Decay II, 58cm x 46cm, Drawing, 2013



Rajah 7 : Gambaran karya lukisan. The Fungus, 58cm x 46cm, Drawing, 2013

## KESIMPULAN

Hasil karya seni adalah bersifat universal dan bebas dari segi material dan ideologi selagi ianya mempunyai nilai estetik dan cerita serta maksud tersendiri untuk disampaikan kepada orang ramai. Pengkarya seni juga tidak semestinya datang dari mereka yang mempunyai latar belakang seni. Kajian ini menunjukkan bahawa karya seni yang melalui pertembungan bidang yang lain dapat menghasilkan sebuah karya yang menarik. Apresiasi fungsi dalam arena sains di lihat melalui perspektif akademik seni yang mana pelukis telah membawa kesan visual estetik dan sekaligus memberi inspirasi kepada publik.

**RUJUKAN**

- David Rothenberg. (2011). *Survival of the Beautiful Art, Science and Evolution*, Bloomsbury Publishing Plc.
- Hartt, Frederick. 1976 *The Development of Styles*. In *Art: A History of Painting, Sculpture, Architecture*. London: Thames and Hudson
- Katalog Young Malaysian Artist: New Object(ion) II #YMA2U, Galeri Petronas, Kuala Lumpur 2013
- Kallergi, Amalia 2008 *Bioart on Display challenges and opportunities of exhibiting bioart* Leiden University, The Netherlands
- Mazlan A. Karim. 2011 *Penerokaan Elemen Tiga Dimensi Dalam Karya Cetakan Kontemporari di Malaysia*
- Noyce, Richard. 2006 *Printmaking At The Edge*. Great Britain: A & C Black Publisher Limited.
- Oxford Dictionary of Biology. (2004). oxford university press.
- Shahariah Mohamed Roshdi, Diana Ibrahim, Amiruddin Osman, Mohd Saharudin Supar, (2014). *Kebolehan Kognitif dan Kreatif Pelajar Mengaplikasikan Unsur – Unsur Seni Melalui Pengamatan Karya Seni Visual Bersubjekkan Fungi*. Proceeding Internaization of Local Wisdom Values in Learning Art, Surakarta.
- Shahariah Mohamed Roshdi & Mohd Haniff b. Mohd Khalid. 2014. *Unsur Warna Dalam Karya Seni Visual Bersubjekkan Fungi*. Prosiding Kolokium Pengukuhan Budi & Jati Diri. Ayer Keroh, Melaka
- Tala, Alexia. 2009. *Installations & Experimental Printmaking*. London: A & C Black.
- Meredith Blackwell, Rytas Vilgalys, Timothy Y. James and John W. Taylor. 2006. *Fungi*. Retrieved 14 May 2014 from <http://tolweb.org/Fungi/2377>